

**CABARAN DAN PERANAN DAKWAH SEMASA PANDEMIK COVID-19  
DALAM KALANGAN REMAJA ISLAM DI PONTIAN, JOHOR  
CHALLENGES AND THE ROLE OF DAKWAH DURING THE COVID-19  
PANDEMIC AMONG MUSLIM YOUTHS IN PONTIAN, JOHOR**Muhammad Norazam Nordin<sup>1\*</sup>, Afiffudin Mohammed Noor<sup>2</sup>, Noraini Ismail<sup>3</sup><sup>1</sup>Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka, [azamnordin@unimel.edu.my](mailto:azamnordin@unimel.edu.my)<sup>2</sup>Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, [afiffudin@uitm.edu.my](mailto:afiffudin@uitm.edu.my)<sup>3</sup>Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, [noraini045@uitm.edu.my](mailto:noraini045@uitm.edu.my)

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

**Abstrak**

Remaja merupakan salah satu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 semenjak ia melanda negara pada tahun 2019. Banyak cabaran yang dihadapi oleh golongan remaja ketika fasa pandemik COVID-19 ini. Salah satu cabaran yang dihadapi adalah perkara berkaitan dengan pelaksanaan dakwah Islamiah. Hal ini kerana pelaksanaan dakwah Islamiah tidak dapat dilaksanakan dan diterapkan kepada golongan remaja secara langsung dan bersemuka seperti kebiasaannya. Dalam fasa COVID-19, pelaksanaan dakwah memerlukan kepada metod yang lebih sesuai dan signifikan. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis tahap pengetahuan remaja tentang dakwah Islamiah dalam fasa pandemik ini. Selain itu kajian ini juga turut menganalisis cabaran yang dihadapi oleh golongan remaja berkaitan pendekatan dakwah dalam fasa pandemik COVID-19. Kajian ini juga turut menganalisis peranan dakwah Islamiah semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan remaja di Pontian, Johor. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan kajian lapangan sebagai kaedah pengumpulan data. Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan bagi proses pengumpulan data adalah kaedah soal selidik. Soalan soal selidik dibentuk dan diedarkan kepada pihak responden yang dipilih sebagai sampel kajian untuk dijawab. Sampel kajian ini terdiri daripada 50 orang remaja Islam di sekitar Pontian Johor. Setelah mendapat maklum balas daripada pihak responden, pengkaji menganalisis data dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for The Social Sciences* (SPSS). Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan remaja di Pontian, Johor berada pada tahap yang baik. Namun, remaja di Pontian, Johor sukar menerima pendekatan dakwah semasa pandemik COVID-19. Remaja lebih tertarik kepada aktiviti lain secara dalam talian berbanding dengan program dakwah. Justeru cadangan yang

dikemukakan oleh pengkaji diharapkan dapat memberi kesan dan membantu usaha pendakwah dalam pelaksanaan dakwah di Negeri Johor.

**Kata Kunci:** COVID-19, Cabaran dakwah, Dakwah Islamiah, Peranan dakwah

### **Abstract**

*Teenagers are one of the communities affected by the COVID-19 pandemic since it hit the country in 2019. There are many challenges faced by teenagers during the COVID-19 pandemic. One of the challenges is the implementation of Islamic preaching among teenagers. This is because the implementation of Islamic preaching cannot be implemented and applied to the teenage group directly and face to face as usual. In the phase of COVID-19, the implementation of preaching requires a more appropriate and significant method. Therefore, the objectives of this study are to analyze the level of teenagers' knowledge about Islamic preaching and the challenges faced by teenagers related to the preaching approach in the phase of the COVID-19 pandemic. This study also analyzes the role of Islamic preaching during the COVID-19 pandemic among teenagers in Pontian, Johor. This is a quantitative study that involves field research as a data collection method. Questionnaires were created and distributed to 50 Muslim teenagers around Pontian Johor as respondents. After receiving feedback from the respondents, the researcher analyzed the data using Statistical Packages for The Social Sciences (SPSS) software. The results of this study found that the level of knowledge of teenagers in Pontian, Johor is at a good level. However, teenagers in Pontian, Johor find it difficult to accept the preaching approach during the COVID-19 pandemic. Teenagers are more interested in online activities rather than in preaching programs. Therefore, the suggestions presented by the researcher are expected to have an impact and help the implementation of preaching in the State of Johor.*

*Keywords: COVID-19, Da'wah Challenge, Islamic Da'wah, The Role of Da'wah*

## **1.0 Pengenalan**

Dalam era pandemik COVID-19 ini, terdapat banyak masalah sosial dan keruntuhan akhlak yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia khususnya yang melibatkan remaja. Dalam menghadapi cabaran ini, metode dakwah yang tepat perlu dilaksanakan agar permasalahan ini dapat dibendung dengan berkesan. Terdapat pelbagai metode dakwah yang sedia ada yang dapat dimanfaatkan bersesuaian dengan masalah yang berlaku.

Metodologi berasal daripada bahasa arab iaitu (نهج ينهج نهجا منهاجا) yang bermaksud jalan atau jalan yang terang (Ibn Manzur, 2006). Manakala maksud metodologi dari kamus dewan edisi keempat (2015) ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Menurut Basam al-'Amush

(2005: 173) di dalam kitab Fiqh al-dakwah, metodologi dakwah adalah satu pandangan menyeluruh tentang dakwah yang merangkumi pelbagai perancangan bagi mencapai matlamat.

Menurut Sham dan Nazim (2015), remaja akan mengalami perubahan semulajadi dari segi fizikal, sosial, emosi dan mental yang cepat dan berterusan seperti perubahan bentuk tubuh badan, pemikiran yang lebih tertumpu kepada realiti dan perasaan menjadi lebih sensitif. Ia menyebabkan remaja selalu berada dalam keadaan yang konflik, keliru dan tidak stabil (Rohaty dan Abdullah, 2001:38). Remaja ialah dalam sekitar golongan yang berumur 12 tahun hingga 22 tahun (Rogers, 1972). Remaja merupakan generasi harapan agama, bangsa, negara dan dakwah pada golongan remaja pada masa kini amatlah penting kerana dakwah merupakan seruan atau mesej yang mempunyai pengisian mengenai ajaran Islam yang sebenar supaya manusia beriman kepada Allah SWT dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan seharian. Dakwah semasa pandemik COVID-19 sekarang juga mestilah diteruskan dengan berbagai kaedah pendekatan dakwah.

Oleh itu, penyampaian dakwah menggunakan metodologi yang bersesuaian hendaklah sentiasa dilaksanakan walaupun semasa pandemik COVID-19. Metodologi, cara atau pendekatan dakwah yang paling relevan dan sesuai perlu digunakan untuk menarik minat serta mempengaruhi sasaran dalam melaksanakan dakwah seperti sasaran terhadap golongan remaja agar mereka dapat menerima dakwah atau ajaran Islam yang disampaikan serta dapat mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka. Jika tiada pendekatan dakwah yang baik, maka ia tidak memberi kesan yang baik kepada sasaran tersebut sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak.

COVID-19 merupakan singkatan daripada perkataan Coronavirus. Virus ini mula tersebar pada bulan Disember 2019. Tedros Adhanom Ghebreyesus merupakan individu yang memberi nama rasmi baharu Coronavirus iaitu COVID. Singkatan COVID ialah CO untuk Corona, VI untuk Virus dan D untuk penyakit. Ia mula dikesan pada bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan di wilayah Hubei, China. Jangkitan virus ini telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada tahun 2020 dan telah melanda seluruh dunia dengan menyebabkan sindrom pernafasan yang teruk 2 (SARS-COV-2). Walaupun dunia sedang menghadapi ancaman COVID-19, namun ia tidak mengurangkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja di Malaysia. Justeru kajian ini akan menganalisis cabaran dan peranan dakwah semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan remaja.

## 2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana kaedah pengumpulan data dilakukan menerusi kajian lapangan. Menerusi kaedah ini, pengkaji mendapatkan data melalui pengagihan borang soal selidik kepada pihak responden. Kaedah ini digunakan agar pengkaji dapat menghubungkan antara cabaran dan permasalahan dalam kalangan remaja dengan peranan dakwah semasa COVID-19 dalam kalangan remaja khususnya di Pontian, Johor.

Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih Daerah Pontian, Johor untuk dijadikan sebagai populasi kajian. Seramai 50 orang remaja dari kalangan pelajar yang berumur 14 hingga 22 tahun di Daerah Pontian dijadikan sebagai sample kajian. Sample kajian ini berlatarbelakangkan sekolah menengah agama dan sekolah menengah kebangsaan telah dipilih secara rawak untuk berperanan sebagai responden yang akan menjawab soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Seterusnya data yang diperolehi daripada pihak responden akan dianalisis menggunakan *Statistical Package of Social Science* (SPSS). Hasil analisis adalah berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi melalui soal selidik terhadap 50 orang responden di Pontian, Johor.

Analisis data bagi soal selidik responden dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian I dan Bahagian II. Bahagian I iaitu Bahagian A (demografi) dan Bahagian II iaitu Bahagian B (penilaian terhadap tahap pengetahuan remaja di Pontian, Johor tentang dakwah Islam), Bahagian C (penilaian terhadap cabaran dan permasalahan dakwah di kalangan remaja semasa pandemik covid 19) dan Bahagian D (penilaian terhadap peranan dakwah semasa pandemik covid 19 di kalangan remaja) yang telah dijawab secara atas talian melalui “google forms” oleh remaja di Pontian, Johor yang berumur 14 hingga 22 tahun sahaja. Pengkaji telah menganalisis data kajian dalam bentuk min, sisihan piawai dan tahap interpretasi daripada 20 soalan kajian. Nilai skor yang diperolehi akan dijumlahkan, dipuratakan untuk menghasilkan min dan dapat diinterpretasikan bagi menghasilkan kajian yang sah serta boleh dipercayai. **Jadual 1** di bawah menunjukkan interpretasi data di buat berdasarkan nilai min yang diperolehi sama ada rendah, sederhana dan tinggi.

**Jadual 1:** Skor Min Dan Interpretasi Data

Skor Min	Tahap Interpretasi
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Majid Konting (1998)

### 3.0 Hasil Kajian dan Perbincangan

#### 3.1 Tahap Pengetahuan Remaja Di Pontian, Johor Tentang Dakwah Islam

Jadual 2 di bawah menunjukkan hasil analisis data kajian bagi tahap pengetahuan remaja di Pontian, Johor tentang dakwah Islam.

**Jadual 2:** Penilaian Terhadap Tahap Pengetahuan Remaja Tentang Dakwah Islam

Penilaian Terhadap Tahap Pengetahuan Remaja Tentang Dakwah Islam	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
--	-----	----------------	--------------------

B1 Saya mengetahui bahawa dakwah itu merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan Islam.	4.88	0.43	Tinggi
B2 Saya memiliki ilmu pengetahuan yang luas khususnya ilmu agama.	4.08	0.83	Tinggi
B3 Saya mengetahui bahawa dakwah itu adalah wajib disebarkan oleh setiap muslim walaupun ketika pandemik COVID 19 kerana ia merupakan tanggungjawab bagi setiap muslim.	4.66	0.69	Tinggi
B4 Saya memahami maksud dakwah ialah sesuatu yang menyeru manusia melakukan perkara yang baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya.	4.68	0.59	Tinggi
B5 Saya mengetahui maksud pendekatan dakwah bererti metode atau metodologi atau cara yang terdekat digunakan dalam melaksanakan dakwah untuk menarik dan mempengaruhi sasaran supaya menerima ajaran Islam.	4.38	0.75	Tinggi
B6 Saya memahami pendekatan dakwah merupakan perkara yang sangat penting dalam dakwah kerana metodologi dakwah merupakan perkara yang teratur dalam menyampaikan ajaran dakwah kepada remaja.	4.54	0.65	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.54</b>	<b>0.48</b>	<b>Tinggi</b>

*Sumber: SSPS soal selidik*

Jadual 2 di atas menunjukkan purata min, sisihan piawai dan tahap interpretasi setiap item bagi penilaian terhadap tahap pengetahuan remaja tentang dakwah Islam. Item di dalam penilaian terhadap tahap pengetahuan remaja tentang dakwah Islam ini terdiri daripada 6 item. Nilai skor min setiap item menunjukkan tahap pengetahuan tentang dakwah Islam dalam kalangan remaja di Pontian, Johor sama ada berada pada tahap rendah, sederhana atau tinggi. Berdasarkan min keseluruhan Bahagian B ini menunjukkan bahawa semua item berada pada tahap yang tinggi ( $M=3.77$ ,  $SD = 0.48$ ,  $n=50$ ).

Antara item berada dalam tahap yang tinggi dan mempunyai purata min yang paling tinggi ialah 'Saya mengetahui bahawa dakwah itu merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan Islam' dengan nilai min sebanyak 4.88 dan sisihan piawai 0.43. Seterusnya adalah item 'Saya memahami maksud dakwah ialah sesuatu yang menyeru manusia melakukan perkara yang baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan

sebagainya' dengan nilai min 4.68 dan sisihan piawai 0.59 diikuti dengan item 'Saya mengetahui bahawa dakwah itu adalah wajib disebarikan oleh setiap muslim walaupun ketika pandemik COVID-19 kerana ia merupakan tanggungjawab bagi setiap muslim' dengan nilai min sebanyak 4.66 dan sisihan piawai 0.69 dan item 'Saya memahami pendekatan dakwah merupakan perkara yang sangat penting dalam dakwah kerana metodologi dakwah merupakan perkara yang teratur dalam menyampaikan ajaran dakwah kepada remaja' dengan nilai min 4.54 dan sisihan piawai 0.65.

Purata skor min setiap item seperti dalam Jadual 2 membuktikan bahawa golongan remaja di Pontian, Johor mempunyai pengetahuan berkaitan dengan ilmu dakwah. Jelaslah bahawa hasil dapatan berkaitan dengan min item ini menunjukkan majoriti remaja tersebut mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman ilmu dakwah yang tinggi.

### 3.2 Cabaran dan Permasalahan Dalam Kalangan Remaja Berkaitan Pendekatan Dakwah Semasa Pandemik Covid-19

Jadual 3 di bawah ialah hasil analisis kajian bagi Bahagian C iaitu penilaian terhadap cabaran dan permasalahan dalam kalangan remaja berkaitan pendekatan dakwah semasa pandemik Covid-19 yang mengakibatkan remaja di Pontian, Johor sukar menerima dakwah.

**Jadual 3:** Cabaran dan Permasalahan Dalam Kalangan Remaja Berkaitan Pendekatan Dakwah Semasa Pandemik Covid-19

Cabaran dan Permasalahan Dalam Kalangan Remaja Berkaitan Pendekatan Dakwah Semasa Pandemik Covid-19	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
C1 Saya selalu menghabiskan masa dengan telefon bimbit dengan perkara yang tidak berfaedah semasa pandemik COVID 19 ini berbanding mengikuti program dakwah secara atas talian.	3.02	1.22	Sederhana
C2 Saya lebih mengunjungi media sosial seperti instagram atau facebook yang melibatkan perkembangan artis berbanding perkembangan dakwah.	2.74	1.24	Sederhana
C3 Saya sentiasa mengikuti program dakwah di atas talian ketika pandemik COVID 19 ini untuk memotivasikan diri saya sendiri.	3.54	0.95	Sederhana

C4 Saya sedar bahawa saya kurang berakhlak mulia kerana kurang mendapat pendekatan dakwah yang boleh menarik minat saya ketika pandemik COVID 19 ini.	3.16	1.04	Sederhana
C5 Saya kurang pasti akan kesahihan dan kepastian tentang sesuatu maklumat yang dikongsikan melalui teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini kerana banyak maklumat yang mengelirukan.	3.90	0.99	Tinggi
C6 Semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) ketika pandemik COVID 19 ini, saya rasa agak sukar untuk melakukan tasmik hafazan Al-Quran secara atas talian kerana akan berlaku bacaannya tidak jelas dari segi kelancaran akibat masalah internet yang perlahan, kurang kelajuannya dan sebagainya.	3.68	1.10	Tinggi
C7 Saya sedar bahawa saya mempunyai masalah sosial seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan walaupun secara atas talian semasa pandemik COVID 19 dan saya mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan persekitaran sosial.	2.42	1.31	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.21</b>	<b>0.59</b>	<b>Sederhana</b>

*Sumber: SSPS soal selidik*

Penilaian terhadap cabaran dan permasalahan dakwah yang dihadapi dalam kalangan remaja semasa pandemik COVID-19 mempunyai 7 item. Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa secara keseluruhan cabaran dan permasalahan dakwah yang dihadapi dalam kalangan remaja semasa pandemik COVID-19 berada pada tahap sederhana ( $M=3.21$ ,  $SD = 0.59$ ,  $n=50$ ). Cabaran dan permasalahan dakwah yang mencapai purata min tertinggi yang dihadapi dalam kalangan remaja yang mengakibatkan remaja di Pontian, Johor sukar menerima pendekatan dakwah semasa pandemik COVID-19 ialah item 'Saya kurang pasti akan kesahihan dan kepastian tentang sesuatu maklumat yang dikongsikan melalui teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini kerana banyak maklumat yang mengelirukan' dengan min sebanyak 3.90 dan sisihan piawainya 0.99.

Selain itu, majoriti responden juga memilih item 'Semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) ketika pandemik COVID-19 ini, saya rasa agak sukar untuk melakukan tasmik hafazan Al-Quran secara atas talian kerana akan berlaku bacaannya tidak jelas dari segi kelancaran akibat masalah internet yang perlahan, kurang kelajuannya dan sebagainya' iaitu pada tahap interpretasi tinggi dengan mendapat nilai min 3.68 dan

sisihan piawai 1.10. Namun 5 item yang lain pada tahap yang sederhana antaranya item 'Saya sentiasa mengikuti program dakwah di atas talian ketika pandemik COVID-19 ini untuk memotivasikan diri saya sendiri' iaitu yang mempunyai nilai min yang sederhana dengan purata min 3.54 dan sisihan piawai 0.95.

Berdasarkan hasil dapatan bagi cabaran dan permasalahan dakwah yang dihadapi dalam kalangan remaja ini dapat dilihat bahawa terdapat pelbagai cabaran dan permasalahan yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 dalam menyampaikan dakwah. Perkara ini yang mengakibatkan remaja di Pontian, Johor sukar menerima pendekatan dakwah berdasarkan purata tahap interpretasi keseluruhan Bahagian C ini ialah sederhana.

### 3.3 Peranan Dakwah Islam Semasa Pandemik COVID-19 Dalam Kalangan Remaja di Pontian, Johor

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian dan analisis data Bahagian D mengenai penilaian terhadap peranan dakwah Islam semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan remaja di Pontian, Johor.

**Jadual 4:** Penilaian Terhadap Peranan Dakwah Islam Semasa Pandemik COVID-19 Dalam Kalangan Remaja

Penilaian Terhadap Peranan Dakwah Islam Semasa Pandemik COVID-19 Dalam Kalangan Remaja	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
D1 Saya mengetahui seorang pendakwah itu mestilah memantapkan akidah mereka agar dapat menyampaikan dakwah dengan berkesan.	4.66	0.56	Tinggi
D2 Saya juga tahu bahawa peranan pendakwah ialah sebagai saksi atas segala yang telah dilakukan oleh sasarannya dan sebagai agen perubahan untuk membentuk generasi masa kini dan masa depan walaupun semasa wabak COVID 19.	4.32	0.77	Tinggi
D3 Saya mengetahui bahawa tugas setiap pendakwah ialah mengajak manusia kepada kebaikan dan melarang kepada keburukan atau kejahatan sama ada ketika pandemik COVID 19 ataupun tidak.	4.66	0.56	Tinggi

D4 Saya memahami bahawa pendakwah adalah sebagai pemberi amaran kepada manusia yang sentiasa melakukan kejahatan dan pendakwah juga sebagai pembawa berita yang baik kepada umat manusia.	4.36	0.78	Tinggi
D5 Saya rasa pendakwah juga perlu memahami jiwa dan realiti kehidupan remaja serta menepati sasaran mereka dan mempelbagaikan teknik berdakwah supaya sesuai dengan perkembangan semasa iaitu semasa pandemik COVID 19 ini.	4.56	0.67	Tinggi
D6 Pendakwah juga perlu mengajak manusia ke jalan Allah dan sebagai lampu yang memancarkan cahaya serta perlu mengharungi setiap cabaran semasa menyampaikan dakwah ketika pandemik COVID 19 ini dan menyelesaikan masalah dengan baik dan sistematik.	4.64	0.56	Tinggi
D7 Pada pandangan saya, apa yang penting ialah melakukan sesuatu dakwah itu dengan ikhlas dan berkesan serta dapat mencapai objektif utamanya iaitu untuk mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.	4.74	0.56	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.74</b>	<b>0.56</b>	<b>Tinggi</b>

*Sumber : SPSS soal selidik*

Jadual 4 menunjukkan analisis dapatan 7 item terhadap peranan dakwah Islam semasa pandemik COVID-19 dalam kalangan remaja di Pontian, Johor. Analisis keseluruhan mendapati tahap interpretasi berada pada tahap tinggi ( $M=4.74$ ,  $SD=0.56$ ,  $n=50$ ). Skor min peranan dakwah yang paling tinggi ialah 'Pada pandangan saya, apa yang penting ialah melakukan sesuatu dakwah itu dengan ikhlas dan berkesan serta dapat mencapai objektif utamanya iaitu untuk mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat' dengan purata min sebanyak 4.74 serta sisihan piawai 0.56.

Terdapat 2 item yang mempunyai purata min yang sama iaitu 4.66 dan sisihan piawainya juga sama 0.56 iaitu pada item 'Saya mengetahui seorang pendakwah itu mestilah memantapkan akidah mereka agar dapat menyampaikan dakwah dengan berkesan' dan 'Saya mengetahui bahawa tugas setiap pendakwah ialah mengajak manusia kepada kebaikan dan melarang kepada keburukan atau kejahatan sama ada ketika pandemik COVID-19 ataupun tidak' pada tahap interpretasinya antara yang tertinggi.

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa dalam metodologi dakwah Islam, peranan dakwah sangat penting dan tidak boleh dipinggirkan kerana ia dapat memantapkan lagi

akidah umat Islam dan dapat mengetengahkan peranan pendakwah sebagai agen perubah, mengajak manusia kepada kebaikan dan melarang kepada keburukan atau kejahatan dan sebagainya.

#### **4.0 Perbincangan Dapatan Kajian**

Perbincangan kajian ini meliputi semua dapatan kajian yang diperolehi. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama perbincangan mengikut objektif kajian iaitu perbincangan berdasarkan dapatan kajian yang meliputi antaranya ialah mengetahui tahap pengetahuan remaja tentang dakwah Islam, mengenalpasti cabaran dan permasalahan dalam kalangan remaja berkaitan pendekatan dakwah semasa pandemik Covid-19 dan menganalisis peranan dakwah Islam semasa pandemik Covid-19 dalam kalangan remaja di Pontian, Johor.

#### **4.1 Penilaian Terhadap Tahap Pengetahuan Remaja Di Pontian, Johor Tentang Dakwah Islam**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman ilmu dakwah dalam kalangan remaja di Pontian, Johor ini berada dalam tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.54. Hasil dapatan ini jelas menunjukkan kefahaman ini berkait rapat dengan tanggungjawab seorang Islam dalam menyampaikan dakwah seiring dengan matlamat Islam untuk melahirkan para pendakwah yang cemerlang serta mempunyai kaedah dan pendekatan dakwah yang teratur dan boleh menarik minat remaja.

Jelaslah bahawa dakwah itu merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan Islam untuk menyeru manusia melakukan perkara yang baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya. Dakwah itu adalah wajib disebar oleh setiap muslim walaupun ketika pandemik COVID-19 kerana ia merupakan tanggungjawab bagi setiap muslim dan dapat memahami pendekatan dakwah merupakan perkara yang sangat penting dalam dakwah kerana metodologi dakwah yang betul merupakan perkara yang dapat menjadikan dakwah kepada remaja lebih berkesan.

#### **4.2 Cabaran dan Permasalahan Dalam Kalangan Remaja Berkaitan Pendekatan Dakwah Semasa Pandemik**

Berdasarkan objektif kajian yang kedua, hasil dapatan menunjukkan terdapat beberapa cabaran dan permasalahan dakwah yang mengakibatkan remaja di Pontian, Johor sukar menerima pendekatan dakwah semasa pandemik COVID-19 ini. Berdasarkan dapatan kajian, nilai min bagi keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 3.21. Antara cabarannya ialah disebabkan oleh remaja kurang pasti akan kesahihan dan kepastian tentang sesuatu maklumat yang dikongsikan melalui teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini kerana banyak maklumat yang mengelirukan.

Mereka juga merasa sukar untuk melakukan tasmik hafazan al-Quran secara atas talian semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) ketika pandemik COVID-19 ini kerana berlaku bacaan hafazannya tidak jelas dari segi kelancaran akibat masalah internet yang perlahan, kurang kelajuannya dan sebagainya. Antara cabaran dan

permasalahan dakwah yang mempunyai min sederhana iaitu yang kurang dilakukan oleh remaja ialah mereka kurang mengikuti program dakwah di atas talian ketika pandemik COVID-19 ini untuk memotivasikan diri mereka sendiri. Selain itu, mereka mempunyai masalah sosial seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan walaupun secara atas talian semasa pandemik COVID-19 dan juga mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan persekitaran sosial. Berdasarkan hasil dapatan ini, perkara seperti inilah yang mengakibatkan remaja di Pontian, Johor sukar menerima pendekatan dakwah berdasarkan purata tahap interpretasi keseluruhan Bahagian C ini ialah sederhana.

#### **4.3 Penilaian Terhadap Peranan Dakwah Islam Semasa Pandemik COVID-19 Dalam Kalangan Remaja**

Berdasarkan dapatan kajian bagi objektif kajian yang ketiga, pengkaji mendapati bahawa peranan dakwah semasa pandemik COVID-19 ini juga penting dalam kalangan remaja kerana mendapat min keseluruhan pada tahap yang tinggi iaitu 4.74. Dapat disimpulkan bahawa peranan dakwah yang lebih efektif ialah melakukan sesuatu dakwah itu dengan ikhlas dan berkesan serta dapat mencapai objektif utamanya iaitu untuk mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Seorang pendakwah itu mestilah memantapkan akidah mereka agar dapat menyampaikan dakwah dengan berkesan dan mengetahui bahawa tugas setiap pendakwah ialah mengajak manusia kepada kebaikan dan melarang kepada keburukan atau kejahatan sama ada ketika pandemik COVID-19 atau tidak.

Oleh itu, pendakwah juga perlu mengajak manusia ke jalan Allah dan sebagai lampu yang memancarkan cahaya serta perlu mengharungi setiap cabaran semasa menyampaikan dakwah ketika pandemik COVID-19 ini dan menyelesaikan masalah dengan baik dan sistematik. Peranan dakwah dalam metodologi dakwah Islam ini amat penting kerana dapat memantapkan lagi akidah umat Islam dan sentiasa mengingatkan peranan pendakwah sebagai agen perubah, mengajak manusia kepada kebaikan dan melarang kepada keburukan atau kejahatan dan sebagainya.

#### **5.0 Cadangan**

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan terdapat beberapa cadangan yang boleh diketengahkan berkaitan kaedah dan pendekatan dakwah Islam semasa pandemik COVID-19 yang boleh membantu meningkatkan dapatan kajian pada masa akan datang. Menurut al-Rikabi (1979), menyampaikan isi dakwah kepada sasaran dengan terang dan jelas merupakan sebahagian daripada syarat penyampaian. Ini kerana Islam itu hendaklah disampaikan dengan cara yang secantik-cantik dan sejelas-jelasnya. Ia tidak boleh dikemukakan sesuatu yang berharga dan bererti (Islam) itu dalam bentuk yang menghina dan cacat. Ia juga tidak boleh dipersembahkan sesuatu yang agung (Islam) itu dalam bentuk yang boleh menghilangkan keagungannya. Oleh itu, penyesuaian masa dan tempat merupakan satu perkara yang penting untuk menentukan cara penyampaian yang baik (Mohd. Zin, 1996). Berdasarkan firman Allah S.W.T:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ  
بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan al-hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk”

Surah al-Nahl (16): 125

Cadangan pertama adalah melaksanakan kaedah pendekatan dakwah *al-hikmah* melalui media sosial. Menurut Shihab (2000), hikmah itu adalah sesuatu yang digunakan yang akan mendatangkan kemaslahatan dan kemudahan besar serta menghalang daripada berlaku kesulitan. *Al-hikmah* juga bermaksud percakapan yang benar selaras dengan realiti jiwa pada masa itu, al-Quran dan sunnah serta dalil yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan keraguan, segala usaha dan cara, tindakan yang sesuai dan bijaksana, perkataan dan perbuatan serta meletakkan sesuatu pada tempatnya. Semasa pandemik COVID-19 ini, para pendakwah mestilah melakukan kaedah pendekatan dakwah melalui pendekatan *al-hikmah* secara atas talian. Para pendakwah perlulah lebih berpengetahuan luas tentang ilmu agama dan juga perlu tahu tentang ilmu teknologi maklumat juga kerana semakin lama dunia semakin maju. Jadi, para pendakwah perlulah mengikuti perkembangan teknologi semasa lebih-lebih lagi semasa pandemik COVID-19 ini. Para pendakwah juga hendaklah memberi penerangan dakwah dengan jelas, sistematik serta berpengetahuan tentang perkembangan teknologi maklumat dan berita semasa supaya maklumat dan mesej yang disampaikan itu boleh sampai kepada sasaran melalui pendekatan *al-hikmah* ini lebih-lebih lagi terhadap remaja masa kini.

Selain itu, cadangan yang kedua ialah kaedah pendekatan dakwah *al-maw'izah al-hasanah* melalui e-book. Perkataan *al-maw'izah al-hasanah* berasal daripada Bahasa Arab yang memberi maksud dua perkataan iaitu perkataan *al-maw'izah* bererti nasihat, peringatan dan pengajaran sama ada perkataan atau perbuatan. Maksud perkataan *al-hasanah* pula ialah kebaikan. Manakala maksud *al-maw'izah al-hasanah* bermaksud nasihat yang baik. Mengikut Ahmad Abu Zayd (1994), *al-maw'izah al-hasanah* merupakan cara yang berkesan yang dapat memuaskan jiwa sasaran dan merangsang rasa ingin dalam jiwanya untuk mengikuti jalan yang benar dan membuat kebaikan serta menjauhi diri daripada kemungkaran, kerosakan dan kejahatan.

Pendekatan dakwah melalui *al-maw'izah al-hasanah* boleh dijalankan melalui E-book. Kaedah penghasilan e-book ini merupakan kaedah pendekatan dakwah yang mampu disampaikannya merentasi sempadan semasa pandemik COVID-19. E-book lebih memudahkan pembaca membaca melalui smartphome ataupun ia boleh dicetak bagi pembaca yang lebih gemar membaca dengan buku yang nyata. Isi yang ada pada e-

book tersebut hendaklah ringkas, padat mudah difahami, lengkap, mempunyai hujah yang kuat seperti dalil-dalil Al-Quran, hadis dan sebagainya. Contohnya, cara penyampaian dalam e-book Tuan Guru Haji Abdul Haji Awang adalah ringkas, padat, mudah difahami oleh pembaca dan mempunyai pelbagai tajuk bagi e-book tersebut seperti 'COVID-19: Perspektif Maqasid Al-Syariah' dan 'Ramadhan al-Mubarak: Kedatangan yang dinantikan'.

Seterusnya, cadangan yang ketiga ialah kaedah pendekatan dakwah *al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan* melalui usrah online secara langsung. *Al-Mujadalah* merupakan perkataan nama yang diambil daripada perkataan perbuatan iaitu *jadala* yang bermaksud ilmu perdebatan yang bukan untuk menerangkan kebenaran bahkan meneruskan perbahasan untuk mengalahkan lawan. Menurut Zaydan (1993) menjelaskan pendekatan *al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan* bukanlah pendekatan yang bermatlamatkan kemenangan. Pendakwah perlu berdebat dengan baik iaitu menggunakan kata-kata yang baik, tenang, berakhlak mulia, merendah diri dan penuh kasih sayang.

Antara pendekatan dakwah *al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan* semasa pandemik COVID-19 ialah dengan membuat usrah *online* bagi perbincangan sesuatu tajuk ceramah secara *live* iaitu secara langsung agar persoalan-persoalan daripada masyarakat dan sasaran dapat dijawab secara langsung dan dapat dijelaskan dengan lebih terperinci lagi. Ia boleh diadakan secara langsung di facebook, instagram dan sebagainya untuk menarik minat golongan remaja agar dakwah tersebut mudah difahami dan boleh bertanya persoalan-persoalan secara langsung bersama pendakwah. Pelbagai topik yang boleh dibincangkan di dalam usrah *online* antaranya ialah penurunan al-Quran, maqasid al-syariah dalam menangani wabak COVID-19, isu Palestin dan sebagainya.

Akhir sekali, jelas disini bahawa ketiga-tiga cadangan mengenai kaedah pendekatan dakwah ini dapat membantu menyelesaikan cabaran dan permasalahan dakwah dalam kalangan remaja semasa pandemik COVID-19 ini. Kaedah pendekatan dakwah ini juga amat penting untuk menarik minat remaja ke arah dakwah. Cadangan ini juga dapat membantu sedikit sebanyak dalam penyelidikan pengkaji akan datang bagi yang berkaitan dan semoga dapat memberi manfaat kepada yang membacanya.

## 6.0 Kesimpulan

Kesimpulan keseluruhan berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan ini adalah golongan remaja di Pontian, Johor mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman tentang ilmu dakwah yang tinggi. Hal ini kerana, remaja tersebut telah membuktikan bahawa persiapan diri dari segi akidah dan sebagainya dalam ilmu dakwah perlu bagi memastikan ilmu pengetahuan yang ingin disampaikan berguna pada masa kini dan pada masa hadapan. Kefahaman remaja di Pontian, Johor terhadap konsep ilmu dakwah ini merangkumi dalam semua aspek di mana perancangan ilmu pengetahuan itu perlu diterapkan sebelum menyebarkan dakwah terhadap orang sekeliling. Jelaslah bahawa tahap kefahaman ilmu dakwah dalam kalangan remaja ini terhadap ilmu dakwah mencapai objektif kajian ini.

Selain itu, pengkaji dapat mengetahui tahap cabaran dan permasalahan dakwah dalam kalangan remaja di Pontian, Johor semasa pandemik COVID 19 ini yang mengakibatkan remaja tersebut sukar untuk menerima pendekatan dakwah. Dari segi remaja kurang pasti akan kesahihan dan kepastian tentang sesuatu maklumat dan merasa sukar untuk melakukan tasmik hafazan al-Quran secara atas talian semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDR) ketika pandemik COVID 19 ini. Remaja juga kurang mengikut program dakwah di atas talian ketika pandemik COVID-19 ini untuk memotivasikan diri mereka sendiri. Mereka mempunyai masalah sosial seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan walaupun secara atas talian serta mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan persekitaran sosial. Oleh itu, pengkaji juga dapat memberikan cadangan untuk mengatasi cabaran dan permasalahan dakwah yang dihadapi oleh remaja semasa pandemik COVID-19 ini.

Akhir sekali, pengkaji mendapati remaja mengetahui bahawa peranan dakwah semasa pandemik COVID-19 ini juga penting dalam kalangan remaja di Pontian, Johor kerana seorang pendakwah itu mestilah memantapkan akidah mereka agar dapat menyampaikan dakwah dengan berkesan dan mengetahui bahawa tugas setiap pendakwah ialah mengajak manusia kepada kebaikan dan melarang kepada keburukan atau kejahatan sama ada ketika pandemik COVID-19 ataupun tidak. Pendakwah perlu melakukan sesuatu dakwah itu dengan ikhlas dan berkesan serta dapat mencapai objektif utamanya iaitu untuk mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Peranan dakwah dalam metodologi dakwah Islam ini amat penting kerana dapat memantapkan lagi akidah umat Islam.

## Rujukan

al-Quran al-Karim.

Al-Rikabi, Z.A. (1979). *al-Nazariyah al-Isiamiyah fi al-I'lam wa al-'Alaqat al-Insaniyah*. al-I'lam al-hlami wa al-'Alaqat al-Insaniyah. WAMY. Riyadh.

Bassam al-'Amush. (2005). *Fiqh al-Dakwah*. Amman: Dar al-Nafais.

Ibnu Manzur. (2006). *Lisan al-Arab*. Mesir: Dar Al-Kutub al-Ilmiah.

Kamus Dewan. (2015). (4 ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan keempat, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Zin, A.A. (1996). *Minhaj Dakwah Masakini: Suatu Pengenalan*. Jurnal Usuluddin.

Rogers, D (1972). *Adolescents and Youth*. Prentice- Hall, Inc.: New Jersey.

Rohaty Mohd Majzub & Abdullah Muhammad Noor. (2001). *Persepsi Remaja Terhadap Masa Hadapan*. Jurnal Pendidikan. Vol.26. pp. 37-52.

Sham, F.M. & Nazim, A.M. (2015). Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani remaja berisiko: fokus pendekatan bimbingan jiwa. *Jurnal Hadhari: An International Journal*. 7(2):63–73.

Shihab, M.Q. (2000). *Tafsir Al-Misbah; Pesan, kesan dan keserasian Al-Quran*. Jakarta: Lentera Hati. Vol. 7. hlm. 384.

Zayd, A.A. (1994). *Manhaj al-Da'iyah*. Makkah: Rabitah al-'Alam al-Islami.

Zaydan, A.K. (1993). *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

**JAWATANKUASA JURNAL PENGAJIAN ISLAM**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.  
<http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/>